

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [ RASAH ]**

**TARIKH : 7 DISEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah justifikasi atau faktor yang menyebabkan pihak KPM mengurangkan peruntukan penyelenggaraan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) kepada hanya RM29.98 juta sahaja pada tahun 2021, berbanding dengan RM50 juta ketika ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejumlah RM800 juta diperuntukkan bagi tujuan penyelenggaraan sekolah dan institusi pendidikan di bawah pengendalian Kementerian Pendidikan (KPM). KPM juga diberi tanggungjawab sepenuhnya dalam menguruskan pengagihan peruntukan tersebut. Mengikut Akta Pendidikan 1996, adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk menyelenggara sepenuhnya sekolah kerajaan. Pada masa yang sama, kerajaan boleh memberi sumbangan bantuan kepada sekolah bantuan kerajaan.

Secara relatifnya, peruntukan penyelenggaraan yang diterima agak terhad berdasarkan jumlah sekolah dan institusi pendidikan di bawah pengendalian KPM. Justeru, ia perlu diagihkan dengan cermat, teliti dan berhemat bagi memastikan impak yang optimum. Daripada peruntukan keseluruhan RM800 juta, pecahan agihan adalah seperti berikut:

- a) RM620 juta untuk penyelenggaraan sekolah di bawah pengendalian KPM;
- b) RM30 juta untuk peruntukan tambahan kritikal;
- c) RM50 juta untuk penyelenggaraan institusi pendidikan di bawah pengendalian KPM;
- d) RM50 juta untuk pembaikan cerun; dan
- e) RM50 juta untuk menaik taraf atau membina dewan terbuka.

Berkaitan dengan agihan peruntukan penyelenggaraan, KPM menggunakan formula yang mengambil kira bilangan dan jenis sekolah, sama ada kategori sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan dalam membuat agihan peruntukan bagi tahun 2021. Asas perkiraan adalah berdasarkan purata daripada peruntukan RM620 juta bagi 10,223 buah sekolah, iaitu sebanyak RM60,648 setiap sekolah. Siling peruntukan bagi sekolah bantuan kerajaan dikira berdasarkan 90 peratus

## NO. SOALAN : 45

daripada purata tersebut didarabkan dengan bilangan 1,930 buah sekolah bantuan kerajaan. Ini menjadikan siling peruntukan untuk sekolah bantuan kerajaan adalah sebanyak RM105.34 juta.

Manakala, siling peruntukan bagi 8,293 buah sekolah kerajaan pula adalah berdasarkan peruntukan penyelenggaraan sekolah sebanyak RM620 juta ditolak siling sekolah bantuan kerajaan. Ini menjadikan siling peruntukan untuk sekolah kerajaan ialah RM514.66 juta.

Bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT), sehingga November 2020, terdapat 162 buah SJKT berstatus sekolah kerajaan dan 365 buah SJKT berstatus sekolah bantuan kerajaan. Oleh yang demikian, berdasarkan bilangan sekolah dan jenis sekolah bagi SJKT, sama ada kategori sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan, siling peruntukan penyelenggaraan bagi SJKT adalah sebanyak RM29.98 juta.

KPM sedar bahawa terdapat jenis sekolah yang menerima peruntukan siling yang lebih rendah berbanding yang lain. Untuk itu, sebanyak RM30 juta daripada RM750 juta peruntukan penyelenggaraan sekolah dan institusi pendidikan adalah dikhususkan bagi menampung mana-mana keperluan penyelenggaraan kritikal untuk jenis sekolah yang peruntukan silingnya adalah RM30 juta dan ke bawah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penjelasan secara menyeluruh dan terperinci mengenai peruntukan penyelenggaraan sekolah dalam Belanjawan 2021, termasuk kaedah pengiraan, telah diberikan dalam ucapan penggulungan KPM pada 24 November 2020. Perincian kaedah agihan peruntukan adalah seperti dalam teks ucapan penuh dan lampiran yang telah dimuat naik di laman web Parlimen.

Sekian, terima kasih.